

Hentikan Kesan Domino Penyakit Serius

PRUAll Care

Penjagaan Penuh Sebelum & Selanjutnya

Insurans Penyakit Kritikal



PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.



Apabila penyakit serius menyerang, maka bermulalah perjuangan untuk pulih sepenuhnya. Perjalanan untuk pemulihan adalah panjang, dan ramai yang terlepas pandang kesan domino yang turut dialami seperti kehilangan pendapatan, gangguan mental dan pergelutan fizikal.

Namun ia tidak semestinya menjadi begitu buruk. Anda boleh menukar situasi itu supaya ia lebih memihak kepada anda dengan **PRUAll Care**, pelan revolusi kami yang mengambil berat untuk anda dan memberi perlindungan yang melebihi perlindungan Penyakit Kritikal. Selain daripada perlindungan Peringkat Awal hingga Akhir, **PRUAll Care** meningkatkan taraf perlindungan ke tahap yang baru, melengkapkan anda dengan manfaat-manfaat tambahan termasuk manfaat pemulihan selepas pembedahan, manfaat sokongan rawatan intensif dengan sokongan kehidupan penting dan manfaat kesihatan mental untuk membantu anda berdiri teguh melawan penyakit serius.

Ia adalah pakej penjagaan keseluruhan bagi mereka yang serius tentang perancangan masa depan dan ingin memanfaatkan kehidupan dengan sepenuhnya.

Bangkit semula dengan **PRUAll Care** – Penjagaan Penuh Sebelum & Selanjutnya.

190

Meliputi sehingga
190 Keadaan



Perlindungan
Penyakit Kritikal
Komprensif



Perlindungan
Kesihatan Mental



Manfaat
Pemulihan Selepas
Pembedahan dan
Manfaat Sokongan
Rawatan Intensif
untuk Mendapatkan
Perlindungan
Di Luar Senarai



Manfaat Ihsan
untuk Kematian



Perlindungan
Berterusan dengan
Rider-rider Waiver



Meliputi sehingga 190 Keadaan

Dapatkan perlindungan terhadap 190 keadaan dari Peringkat Awal hingga Akhir, Manfaat Istimewa, Manfaat Juvenil CI beserta dengan Perlindungan Kesihatan Mental.

Penyakit Kritikal Awal (terdiri daripada Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan)	Penyakit Kritikal Peringkat Akhir	Manfaat Istimewa	Manfaat Juvenil CI	Perlindungan Kesihatan Mental	Jumlah
107 keadaan	64 keadaan	6 keadaan	6 keadaan	7 keadaan	190 keadaan



Perlindungan Penyakit Kritikal Komprensif

Perlindungan Penyakit Kritikal komprehensif terhadap 183 keadaan merentasi Peringkat Awal, Pertengahan dan Akhir, beserta dengan Manfaat Istimewa dan Manfaat Juvenil CI ditawarkan bawah Total Multi Crisis Care 2 (TMCC 2). Anda akan menerima bayaran sekaligus selepas diagnosis mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi untuk membantu anda menampung perbelanjaan yang melebihi kos perubatan.

Tuntutan berganda sehingga 400% daripada Jumlah Diinsurankan Asas adalah dibenarkan untuk peringkat Penyakit Kritikal yang berbeza:

- Penyakit Kritikal Awal (terdiri daripada Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan)¹: 50% daripada Jumlah Diinsurankan Asas akan dibayar apabila didiagnosis.
- Penyakit Kritikal Peringkat Akhir: 100% daripada Jumlah Diinsurankan Asas akan dibayar apabila didiagnosis.
- Perlindungan diagnosis semula² untuk 3 Penyakit Kritikal utama – Kanser, Serangan Jantung dan Strok/Angin Ahmar.

Masih ada lagi:

- Manfaat Istimewa³ dengan 20% daripada Jumlah Diinsurankan Asas untuk penyakit kencing manis atau keadaan berkaitan dengan sendi.
- Manfaat Juvenil CI⁴ dengan 20% daripada Jumlah Diinsurankan Asas akan dibayar apabila didiagnosis dengan sebarang Penyakit Kritikal Juvenil yang dilindungi.



Perlindungan Kesihatan Mental

Putuskan kitaran gangguan mental dengan perlindungan Kesihatan Mental untuk menyokong 7 keadaan, bagi orang dewasa dan kanak-kanak.

- Manfaat Kesihatan Mental⁵: 20% daripada Jumlah Diinsurankan Asas atau sehingga RM100,000 seumur hidup akan dibayar jika didiagnosis dengan mana-mana keadaan di bawah:
 - o Gangguan Kemurungan Utama yang Teruk ("MDD yang Teruk")
 - o Skizofrenia
 - o Gangguan Bipolar
 - o Gangguan Obsesif Kompulsif yang Teruk ("OCD yang Teruk")

¹Maksimum 4 tuntutan Penyakit Kritikal Awal dibenarkan terhad kepada RM350,000 bagi setiap had hayat. Hanya 1 tuntutan akan dibayar bagi setiap peringkat Kategori Penyakit Kritikal dan manfaat maksimum yang boleh dibayar bagi semua peringkat di bawah satu Kategori Penyakit Kritikal adalah 100% Jumlah Diinsurankan Asas, kecuali Kanser, Serangan Jantung dan Strok/Angin Ahmar.

²Boleh dituntut sehingga 200% Jumlah Diinsurankan Asas bagi setiap kategori Kanser, Serangan Jantung dan Strok/Angin Ahmar.

³Manfaat Istimewa dibayar sekali seumur hidup, terhad kepada RM100,000 bagi setiap had hayat.

⁴Manfaat Juvenil CI dibayar sekali seumur hidup, terhad kepada RM100,000 bagi setiap had hayat. Manfaat ini akan luput pada Ulang Tahun Polisi berumur 19 tahun.

⁵Manfaat Kesihatan Mental akan dibayar sekali seumur hidup, terhad kepada RM100,000 bagi setiap had hayat. Manfaat ini bermula dari Ulang Tahun Polisi berumur 19 tahun dan akan tamat pada Ulang Tahun Polisi pada umur 80 tahun atau tarikh tamat polisi, yang mana lebih awal.



Perlindungan Kesihatan Mental

- Manfaat Kesihatan Mental Juvenil⁶: 20% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas atau sehingga RM25,000 seumur hidup akan dibayar jika didiagnosis dengan mana-mana keadaan di bawah:
 - o Gangguan Spektrum Autisme yang Teruk ("ASD yang Teruk")
 - o Sindrom Tourette ("TS")
 - o Gangguan Hiperaktifan Defisit Perhatian ("ADHD")



Manfaat Pemulihan Selepas Pembedahan dan Manfaat Sokongan Rawatan Intensif untuk Mendapatkan Perlindungan Di Luar Senarai

Jangan biarkan kos tersembunyi penyakit serius membebaskan anda. Dapatkan bayaran sekaligus sebagai gantian pendapatan untuk pemulihan daripada pembedahan atau kemasukan ke Unit Rawatan Intensif (ICU), untuk masalah kesihatan yang melebihi Penyakit Kritikal.

- Manfaat Pemulihan Selepas Pembedahan⁷: 20% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas akan dibayar jika Pembedahan dilakukan dan kemasukan hospital berterusan selama 3 hari selepas pembedahan diperlukan.
- Manfaat Sokongan Rawatan Intensif⁸: 20% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas akan dibayar untuk penginapan berterusan selama 6 hari di ICU dengan Sokongan Kehidupan Penting diperlukan⁹.



Manfaat Ihsan untuk Kematian

Bayaran sekaligus sebanyak 20% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas atau nilai serahan, yang mana lebih tinggi, akan dibayar sekiranya berlaku kematian¹⁰.



Perlindungan Berterusan dengan Rider-rider Waiver

Dengan rider waiver berikut, semua premium untuk masa depan akan dikecualikan.

- PRUWaiver Plus: Apabila Hayat Yang Diinsuranskan berlaku Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹¹ atau apabila didiagnosis dengan mana-mana 42 Penyakit Kritikal yang dilindungi.
- Spouse Waiver Plus atau Parent Waiver Plus: Apabila pasangan atau ibu bapa berlakunya kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹¹ atau apabila didiagnosis dengan mana-mana daripada 42 Penyakit Kritikal yang dilindungi.

⁶Manfaat Kesihatan Mental Juvenil dibayar sekali seumur hidup, terhad kepada RM25,000 bagi setiap had hayat. Manfaat ini akan luput pada Ulang Tahun Polisi berumur 19 tahun.

⁷Manfaat Pemulihan Selepas Pembedahan dibayar sehingga 5 kali seumur hidup, terhad kepada RM25,000 setiap peristiwa bagi setiap hayat, dengan tempoh menunggu selama 1 tahun antara tuntutan berdasarkan tarikh pembedahan.

⁸Manfaat Sokongan Rawatan Intensif akan dibayar sekali seumur hidup, terhad kepada RM500,000 bagi setiap hayat.

⁹Kemasukan ke ICU dan keperluan untuk Sokongan Kehidupan Penting harus dianggap perlu dari segi perubahan untuk mengekalkan kehidupan bagi Hayat Yang Diinsuranskan. Kemasukan ke Unit Pergantungan Tinggi (HDU) adalah tidak dilindungi.

¹⁰Manfaat Ihsan akan dibayar atas kematian Hayat Yang Diinsuranskan, dan jumlah manfaat yang diterima mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar.


¹¹Sebelum Ulang Tahun Polisi berumur 70 tahun.



Diana pada usia 30 tahun, membeli PRUAll Care dengan **perlindungan sebanyak RM100,000** untuk melindunginya sehingga umur 80 tahun. Beliau membayar premium bulanan sebanyak **RM205**.

BAGAIMANA PRUAll Care BERFUNGSI?

Umur
33



Diana terlibat dengan kemalangan. Beliau menjalani pembedahan besar dan dimasukkan ke ICU selama 7 hari dengan Pengudaraan Mekanikal (salah satu Sokongan Kehidupan Penting).

Beliau menerima bayaran sebanyak **RM20,000** di bawah **Manfaat Pemulihan Selepas Pembedahan**, dan **RM20,000** di bawah **Manfaat Sokongan Rawatan Intensif**.



Umur
35



Diana didiagnosis dengan kanser payudara peringkat awal. Beliau menjalani pembedahan dan dimasukkan ke hospital selama 4 hari.

Beliau menerima bayaran sebanyak **RM50,000** di bawah **Perlindungan Penyakit Kritikal Peringkat Awal**, dan **RM20,000** di bawah **Manfaat Pemulihan Selepas Pembedahan**.



Umur
40




Diana menjalani pembedahan kemasukkan perentak jantung. Pada masa yang sama, beliau didiagnosis dengan Gangguan Kemurungan Utama yang Teruk ("MDD yang Teruk") dan beliau sedang menerima rawatan.

Beliau menerima bayaran sebanyak **RM50,000** di bawah **Perlindungan Penyakit Kritikal Peringkat Awal**, dan **RM20,000** di bawah **Manfaat Kesihatan Mental**.



Umur
65




Diana didiagnosis dengan keadaan berkaitan dengan sendi.

Beliau menerima bayaran sebanyak **RM20,000** di bawah **Manfaat Istimewa**.



Umur
75



Diana mengalami serangan jantung.

Beliau menerima bayaran sebanyak **RM100,000** di bawah **Perlindungan Penyakit Kritikal Peringkat Akhir**.



Umur
79



Diana meninggal dunia.

Orang tersayang akan menerima bayaran sebanyak **RM20,000** atau nilai serahan, yang mana lebih tinggi di bawah **Manfaat Ihsan**.





Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web kami di www.prudential.com.my atau hubungi salah satu Perancang Kewangan Prudential kami yang mesra. Kami akan selalu berada di sini untuk membantu.

Nota Penting dan Penafian

- PRUAll Care adalah pelan insurans tanpa penyertaan premium berkala yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Kadar premium bagi pelan asas untuk Manfaat Ihsan yang dibayar apabila berlaku kematian adalah dijamin manakala kadar untuk manfaat lain dan rider pilihan (jika ada) adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya 90 hari sebelum berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi yang berikut. Kadar premium untuk PRUAll Care digambarkan dalam laman web korporat Prudential di www.prudential.com.my.
- Apabila premium disemakkan semula, kami juga akan menyediakan anda dengan pilihan seperti di bawah:
 - a) Anda boleh membayar premium yang sama tetapi amaun manfaat bagi semua manfaat akan dikurangkan; atau
 - b) Anda boleh mengeluarkan Total Multi Crisis Care 2, Manfaat Pemulihan Selepas Pembedahan, Manfaat Sokongan Rawatan Intensif, Manfaat Kesihatan Mental dan Manfaat Kesihatan Mental Juvenil (jika berkenaan). Sekiranya anda membuat keputusan untuk mengambil pilihan ini, kita akan mengubah premium yang perlu dibayar untuk perlindungan Manfaat Ihsan sahaja, berdasarkan jumlah premium yang dijamin.
Sekiranya berlaku (a) atau (b) di atas, kami akan memaklumkan kepada anda perubahan dan bagi kejadian (b), membayar anda nilai serahan (jika ada) disebabkan oleh perubahan dalam manfaat. Premium baru yang perlu dibayar, manfaat dan nilai serahan (yang mana berkenaan) hendaklah berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi yang akan datang dari tarikh kami menerima makluman anda.
- Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Jualan PRUAll Care dan risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Hayat' dan 'Insurans Perubatan dan Kesihatan' sebelum membeli sesuatu polisi. Sila ambil perhatian bahawa terdapat pengecualian-pengecualian yang berkenaan kepada setiap manfaat. Sila merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Jualan dan dokumen polisi untuk senarai penuh manfaatmanfaat, pengecualian-pengecualian, tempoh menunggu serta terma dan syarat di bawah polisi ini.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda premium dan cukai (jika ada) yang telah anda bayar, tolak perbelanjaan perubatan yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Jika anda tidak dapat membayar premium anda dalam tempoh tangguh selama satu bulan, maka amaun nilai tunai yang ada akan digunakan untuk mendahulukan premium di bawah Skim Pinjaman Premium Automatik pada kadar faedah semasa, seperti yang ditentukan oleh Prudential. Jika nilai tunai tersebut tidak dapat menampung premium yang tertunggak atau hutang lain dengan Prudential, maka polisi anda akan luput.
- Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
- PRUAll Care bukan produk mematuhi Syariah.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan digunakan.

Prudential Assurance Malaysia Berhad Ahli PIDM

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada PAMB atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

10/2021